



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA DISEMBER 2025

Kedua-dua Indeks Volum Eksport dan Import meningkat pada Disember 2025, masing-masing dengan 13.8 peratus dan 4.0 peratus.

PUTRAJAYA, 28 JANUARI 2026 – Indeks nilai seunit eksport Malaysia pada Disember 2025 mencatatkan penurunan 0.4 peratus daripada 154.0 mata pada bulan sebelumnya kepada 153.4 mata. Manakala indeks nilai seunit import juga menurun 0.3 peratus daripada 124.5 mata kepada 124.2 mata. Terma perdagangan Malaysia juga menurun 0.1 peratus bulan ke bulan daripada 123.7 mata kepada 123.6 mata pada Disember 2025, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), DISEMBER 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks nilai seunit eksport menurun 0.4 peratus pada Disember 2025 disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-2.7%), pelbagai barang keluaran kilang (-0.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.3%). Sementara itu indeks volum eksport meningkat 13.8 peratus selaras dengan kenaikan dalam indeks alat jentera dan kelengkapan pengangkutan (+23.6%), barang-barang keluaran kilang (+22.2%) dan minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+14.5%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim juga turut meningkat 7.0 peratus daripada 165.8 mata kepada 177.4 mata. Walau bagaimanapun, merujuk kepada perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport meningkat 1.8 peratus dan 8.4 peratus.

Indeks nilai seunit import juga menurun 0.3 peratus pada Disember 2025, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-1.8%), bahan kimia (-0.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.3%). Sementara itu, indeks volum import bertambah 4.0 peratus pada Disember 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks pelbagai barangan keluaran kilang (+32.3%), bahan kimia (+27.9%) dan indeks makanan (+25.2%). Indeks volum import pelarasan bermusim meningkat 3.4 peratus daripada 234.3 mata kepada


242.3 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import menurun 3.0 peratus manakala indeks volum import menaik 15.4 peratus.

Terma perdagangan Malaysia menurun 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 123.6 mata pada Disember 2025, didorong oleh penurunan dalam indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-1.3%), pelbagai barangan keluaran kilang (-0.2%) dan bahan kimia (-0.2%). Manakala terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun bertambah 4.9 peratus daripada 117.8 mata pada Disember tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpulkan data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import Januari 2023 – Disember 2025

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JANUARI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA DECEMBER 2025

Both the Export and Import Volume Indices increased 13.8 per cent and 4.0 per cent in December 2025 respectively.

PUTRAJAYA, JANUARY 28, 2026 – Malaysia's export unit value index in December 2025 decreased by 0.4 per cent from 154.0 points in the previous month to 153.4 points. Similarly, import unit value index decreased by 0.3 per cent from 124.5 points to 124.2 points. Consequently, Malaysia's terms of trade slightly declined 0.1 per cent month-on-month from 123.7 points to 123.6 points in December 2025 as reported today in released the **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), DECEMBER 2025**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, the export unit value index declined by 0.4 per cent in December 2025, contributed by a decreased in the index of animal & vegetable oils & fats (-2.7%), miscellaneous manufactured articles (-0.5%) and machinery & transport equipment (-0.3%). Meanwhile, the export volume index increased by 13.8 per cent in line with the increment in the indices of machinery & transport equipment (+23.6%), manufactured goods (+22.2%) and animal & vegetable oils & fats (+14.5%). The seasonally adjusted export volume index also increased by 7.0 per cent from 165.8 points to 177.4 points. Referring to the annual comparison, both the exports unit value index and volume index expanded 1.8 per cent and 8.4 per cent respectively.


The import unit value index also declined by 0.3 per cent in December 2025, contributed by the decreases in the indices of mineral fuels (-1.8%), chemicals (-0.5%) and machinery & transport equipment (-0.3%). Meanwhile, the import volume index increased by 4.0 per cent in December 2025 as compared to the previous month, contributed by the increment in the index of miscellaneous manufactured articles (+32.3%), chemicals (+27.9%) and food (+25.2%). The seasonally adjusted import volume index increased by 3.4 per cent from 234.3 point to 242.3 points. A year-on-year comparison showed that the import unit value index declined by 3.0 per cent, while volume index edged up by 15.4 per cent.

Malaysia's terms of trade dropped 0.1 per cent month-on-month to 123.6 points in December 2025, driven by the decrease in the index of animal & vegetable oils & fats (-1.3%), miscellaneous manufactured articles (-0.2%) and chemicals (-0.2%). Meanwhile, Malaysia terms of trade increased 4.9 per cent year-on-year from 117.8 points in December previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2023 – December 2025**

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 JANUARY 2026**